

1. Pendaftaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor G1 yang beralamat di **DAERAH SEBERANG PERAI UTARA** sahaja dan berdaftar dengan :

- i. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan
- iii. Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

2. **PENDAFTARAN KERJA UNDI** INI ADALAH **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan di lokasi dan tarikh seperti yang dinyatakan.

- **Tarikh : 22 FEBRUARI 2023 (RABU) & 1 MAC 2023 (RABU)**
- **Masa : 10.00 Pagi – 4.30 Petang (Pendaftaran)**
: 1.00 Petang – 2.00 Petang (Rehat)
- **Lokasi: Pusat Kecemerlangan Al-Jazari (Pejabat Lama)**

3. **WAKIL ADALAH TIDAK DIBENARKAN WALAUPUN BERSURAT** (Rujuk Surat Pekeliling JPS Bil.7/2017 Garis Panduan Perolehan Kerja Bernilai Sehingga RM500,000.00)

4. **Kebenaran Khas** dari Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) bagi yang tidak mempunyai pengkhususan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. (Sila rujuk surat arahan KP JPS Bil.3/2022 bertarikh 12 Januari 2022)

5. Sila bawa bersama **Sijil Asal dan Salinan Sijil** Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera dan kad pengenalan asal untuk proses pendaftaran. Kegagalan membawa semua dokumen tersebut akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pendaftaran ini.

6. Sila bawa bersama **COP SYARIKAT** untuk melancarkan lagi proses pendaftaran.

7. Kontraktor hendaklah melengkapkan borang yang telah disediakan dan menyerahkannya semula beserta Salinan sijil-sijil pendaftaran yang diperlukan pada hari pendaftaran.

8. Tarikh Cabutan Undi akan dimaklumkan dari masa ke semasa melalui hebahan media sosial seperti Facebook dan E-mail.

9. Pendaftaran ini akan digunapakai untuk setiap kali Cabutan Undi dibuat sepanjang tahun 2023. Syarikat yang telah terpilih pada mana-mana sesi cabutan undi akan dikeluarkan daripada senarai pendaftaran ini.

10. Syarikat yang terpilih semasa sesi cabutan undi hendaklah masih aktif dan tempoh sahlaku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh cabutan dibuat.